

# AGENDA 1

Memilih Enam (6) Anggota Perwakilan Dan Empat (4) Anggota Lembaga Sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44

# MAPT KE-44

# AGENDA 1

## Memilih Enam (6) Anggota Perwakilan Dan Empat (4) Anggota Lembaga Sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44

### TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk memilih enam (6) perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga menganggotai Jawatankuasa Menentusah Minit (JMM) Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 (MAPT Ke-44).

### LATAR BELAKANG

2. Akta Koperasi (Akta) perenggan 14(1)(b) menetapkan supaya Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tidak lewat daripada 30 hari selepas tarikh MAPT diadakan. Peraturan-Peraturan Koperasi perenggan 14(1)(l) pula menghendaki MAPT melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga untuk menentusahkan minit MAPT.

3. Pada MAPT Ke-43, enam (6) anggota perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga telah dilantik untuk menentusahkan minit MAPT Ke-43 iaitu:

#### a. Anggota Perwakilan

| Bil | Anggota Perwakilan                 | Kawasan/Rancangan    |
|-----|------------------------------------|----------------------|
| 1   | Encik Abdul Azim bin Abdul Latib   | Felda Bukit Rokan    |
| 2   | Puan Rohana binti Abd Rahman       | Kuala Lumpur         |
| 3   | Encik Shamsul Anuar bin Abdul Rani | Felda Teloi Kanan    |
| 4   | Encik Abd Aziz bin Saad            | Kuala Lumpur         |
| 5   | Encik T Hamzah bin T Draman        | Felda Kerteh 4       |
| 6   | Encik Mohd Salim bin Muda          | Felda Jenderak Utara |

#### b. Anggota Lembaga

| Bil | Anggota Lembaga                           | Status          |
|-----|-------------------------------------------|-----------------|
| 1   | YBhg. Dato' Mohd Banuri bin Aris          | Pengerusi       |
| 2   | Encik Mohd Helmi Fakhzan bin Abd Wahab    | Setiausaha      |
| 3   | Puan Siti Zaroha binti Nasharuddin        | Bendahari       |
| 4   | YBhg. Dato' Muhamad Rizal bin Abdul Rahim | Anggota Lembaga |

### SYOR

4. Mengikut keperluan Akta dan Peraturan-Peraturan Koperasi tersebut, perwakilan disyorkan untuk mencalonkan dan memilih ahli-ahli JMM MAPT Ke-44 mengikut kategori berikut:

- (a) enam (6) anggota perwakilan; dan
- (b) empat (4) anggota Lembaga iaitu Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan seorang anggota Lembaga.

5. Agenda ini dibentangkan untuk kelulusan perwakilan.

# MAPT KE-44